

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27/5/2011



NAJIB Tun Razak ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-17 yang bertema 'Menangani Cabaran Asia dan Bangkit daripada Kesukaran Menerusi Perpaduan Serantau' di Tokyo, semalam.

- GAMBAR AP

Asia sebagai kuasa ekonomi baru

TOKYO 26 Mei - Datuk Seri Najib Razak berkata, Asia bakal muncul sebagai kuasa ekonomi baru sehingga mampu mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah AS\$148 trilion (RM444 trilion) menjelang 2050 jika mengamalkan perpaduan serantau.

Perdana Menteri berkata, unjuran oleh Bank Pembangunan Asia itu mampu dicapai jika negara-negara di rantau ini terus menggunakan pendekatan saling bekerjasama dan juga menggunakan sumber-sumber dengan bijak.

"Jika kita terus menyesuaikan diri dan membangun, pulangnya akan menjadi sangat hebat," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-17 bertemakan "Menangani Cabaran Asia dan Bangkit Daripada Kesukaran Menerusi Perpaduan Serantau" di sini hari ini.

Dalam persidangan tahunan anjuran Nikkei Inc. yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin kerajaan, politik dan pemiagaan dari Asia Pasifik itu, Najib menjelaskan mengenai kepentingan bekerjasama seperti yang diamalkan dalam hubungan antara negara-negara ASEAN dengan Jepun.

"Kini telah tiba masanya negara-negara di rantau ini mencari cara baru untuk bekerjasama dan berkomunikasi jika Asia mahu berubah daripada hanya membentuk integrasi ekonomi mudah kepada menjadi sebuah komuniti serantau," katanya.

Beliau berkata, pendekatan masa lepas yang mana sesebuah negara dilihat sebagai rakan sekutu atau musuh sudah tidak boleh dilaksanakan lagi hari ini dalam dunia yang sangat berhubung kait dan bersepadu.

"Jika kita mahu tangani cabaran yang dihadapi dan bandit daripada zaman kesukaran, kita tiada pilihan lain selain melakukannya di dalam persekitaran terbuka dan bersepadu.

"Ia perlu dilakukan melalui per-

gerakan yang sederhana dan bukannya mengamalkan dasar perlindungan dan pemencilan," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri juga menawarkan Malaysia untuk menjadi jambatan penghubung antara ASEAN dan negara-negara lain untuk meningkatkan lagi aktiviti perniagaan ke seluruh rantau ini.

"Ini boleh dilakukan berdasarkan lokasi geografi strategik negara kami dan juga kekuatan hubungan dengan negara-negara lain di rantau ASEAN," katanya sambil menyatakan komitmen Malaysia dalam usaha mencapai Komuniti Ekonomi ASEAN yang berdaya maju dan besar menjelang 2015.

Beliau berkata, kelebihan Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan agama juga boleh dimanfaatkan di dalam perniagaan abad ke-21 yang memerlukan sesebuah syarikat memahami persekitaran pelbagai kebudayaan.

Dalam ucapannya, Najib juga menyatakan simpati Malaysia terhadap rakyat Jepun yang terpaksa menghadapi bencana gempa bumi dan tsunami baru-baru ini yang menjejaskan ratusan ribu penduduk dan mengorbankan belasan ribu nyawa.

Katanya, Malaysia sentiasa memberi sokongan sepenuhnya kepada Perdana Menteri, Naoto Kan dalam usaha memulihkan dan menangani situasi paling mencabar dan sukar yang dihadapi negara itu selepas Perang Dunia Kedua.

Selepas menghadiri Persidangan Nikkei dan mengadakan pertemuan dengan ahli perniagaan Jepun, Najib menerima kunjungan daripada Menteri Luar Jepun, Takeaki Matsutomoto di Hotel Imperial hari ini.

Perdana Menteri yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor kemudiannya menamatkan lawatan kerja dua hari ke Jepun dan berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

- UTUSAN